

28 OCT 1997

KADAR FAEDAH SEIMBANG -- PENYELESAIAN TERBAIK, KATA NAVARATNAM

Oleh: Azlina Aziz

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Kadar faedah mungkin salah satu daripada angkubah ekonomi yang paling diberi perhatian dan persoalan sama ada untuk menaik atau menurunkannya sering menjadi topik perbincangan hangat.

Kebanyakan pakar ekonomi merasakan rejim kadar faedah "seimbang" sepatutnya menjadi penyelesaian terbaik dalam mempertahankan dan menguruskan ekonomi yang kukuh dan berhemat kerana rejim berkenaan mempunyai pengaruh yang kuat dalam konteks Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara serta angka inflasi.

Tan Sri Ramon Navaratnam, penasihat kepada Sungei Way Group of Companies, berkata kadar faedah tinggi akan memberikan kedua-dua kesan menguntungkan dan tidak menguntungkan terhadap ekonomi.

"Saya berpendapat adalah perlu untuk meningkatkan kadar faedah tetapi sudah pastinya darjah untuk meningkatkannya mestilah dibuat berdasarkan kepada pertimbangan yang terbaik dan sewajarnya...dan saya merasakan kerajaan adalah pihak yang harus memberi kata putus mengenai perkara ini," katanya.

Navaratnam, bekas timbalan ketua setiausaha Perbendaharaan berkata, dengan meningkatkan kadar faedah, ia akan menyumbang kepada kestabilan mata wang dan akan menarik lebih banyak dana ke dalam negara serta meningkatkan paras tabungan negara.

Bagaimanapun, kenaikan yang keterlaluan akan memberi kesan kepada harga aset, kedua-dua ekuti dan hartanah.

Beliau menambah pelabur-pelabur juga mendapati lebih mahal untuk membuat pinjaman dan ia boleh mengakibatkan pengurangan dalam perbelanjaan semasa ke atas barangan pelaburan.

"Bagi kedua-dua kesan baik dan buruk, Kerajaan harus membuat keputusan. Tetapi sebarang keputusan sudah pastinya mestilah berkaitan dengan kuasa pasaran antarabangsa dan dalam negeri," katanya apabila diminta membuat ulasan mengenai keputusan kerajaan untuk tidak menaikkan kadar faedah meskipun terdapat gesaan daripada pihak-pihak tertentu untuk menstabilkan ringgit.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah memberi jaminan kenaikan kadar faedah kekal sebagai satu pilihan tetapi ia bukan satu-satunya instrumen dasar untuk menangani masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara ketika ini yang disebabkan oleh kelemahan ringgit dan penurunan pasaran saham.

Mengulas kenyataan Anwar itu, Navaratnam menambah: "Terdapat banyak langkah fiskal lain...dan mungkin kini kita harus memotong dan menanggungkan beberapa perbelanjaan yang tidak perlu.

Apabila ditanya sama ada peningkatan yang terlalu tinggi akan membawa kepada tekanan kemelesetan ke atas ekonomi, katanya: "Pada peringkat ini, kita mestilah berbincang mengenai bagaimana untuk membina semula keyakinan, bukan bercakap mengenai kemelesetan ekonomi."

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di Edinburg semalam bahawa Malaysia tidak akan menaikkan kadar faedah untuk mempertahankan ringgit daripada spekulator mata wang kerana ia hanya akan menarik pelaburan asing jangka pendek ke negara ini, di mana ia akan diambil semula sebaik sahaja keuntungan diperolehi.

Dalam pasaran wang hari ini, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur berada pada paras 8.67 peratus, di mana ia masih dianggap paling menarik di

dunia selain Thailand dan Indonesia. -- BERNAMA  
AA ZK